

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan berikut :-**

- (a) sama ada pengeluaran balak pokok getah mencukupi untuk permintaan dalam negara dan jika tidak mencukupi, apakah tindakan pihak Kerajaan meningkatkan pengeluaran balak pokok getah ini; dan
- (b) apakah keluasan tanah yang ditanam dengan pokok getah jenis balak (*latex timber clone*) masa kini mengikut setiap negeri.

**JAWAPAN (a):**

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara umumnya, pokok getah yang telah ditebang akan menghasilkan kayu balak getah basah (*green logs*) yang akan diproses menjadi kayu getah bergergaji (KGB) bagi bahan mentah dalam penghasilan perabot oleh industri hiliran. Berdasarkan kajian oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), penggunaan KGB secara purata oleh industri hiliran dianggarkan sebanyak 600,000 m<sup>3</sup> setahun. Buat masa ini, bekalan kayu getah adalah bergantung kepada penebangan pokok getah di bawah program tanam semula getah yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

## SOALAN NO : 41

RISDA menyasarkan aktiviti tanam semula getah pada tahun 2019 di Semenanjung Malaysia seluas 15,520 hektar dengan anggaran hasil bahan mentah KGB sebanyak 560,000 m<sup>3</sup>. Jumlah ini adalah tidak mencukupi bagi kegunaan industri tempatan. Justeru itu, bagi menampung kekurangan KGB ini, pihak industri mengimport bekalan bahan mentah dari luar negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menjamin bekalan bahan mentah kayu yang mencukupi untuk industri perindustrian tempatan, Kerajaan telah memulakan program pembangunan ladang hutan (PPLH) sejak tahun 2007 dan dijangka mengeluarkan hasil tebaran mulai tahun 2021.

### **JAWAPAN (b):**

Tuan Yang DiPertua,

Sehingga Mac 2019, seluas 79,448.50 hektar tanaman getah jenis balak (*latex timber clone*) telah dilaksanakan oleh Kementerian melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH). Pecahan keluasan mengikut negeri adalah seperti berikut:

- i) Kelantan – 36,610.93 hektar;
- ii) Sabah – 23,865.25 hektar;
- iii) Pahang – 7,864.21 hektar;
- iv) Johor – 4,386.93 hektar;
- v) Selangor – 3,680 hektar;
- vi) Perak – 2,223.18 hektar; dan
- vii) Sarawak – 818 hektar.

Sekian, terima kasih.